

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

25. Adakah Kerajaan Negeri menerusi MMK Agama masih meneruskan program-program bulan Al-Quran seperti yang dilaksanakan pada penggal lepas?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Program Sambutan bulan-bulan al-Quran yang disambut pada setiap tahun bermula tahun 2010 akan diteruskan oleh MMK Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Konsep pengisian program tersebut akan diberikan suntikan nafas baru dengan menjenamakan program tersebut sebagai Program Membangun Khaira Ummah. Ini adalah selari dengan pelbagai usaha yang telah direncanakan ke arah mengupayakan pendidikan, ekonomi, sains dan teknologi serta pembangunan khaira ummah di Negeri Pulau Pinang.

Di antara program yang dirancang pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (i) Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Festival Khaira Ummah Peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Akademi Al-Quran;
- (iv) Program Pencinta Al-Quran;

- (v) Program “Tarbawiyah Wa Tahziban”;
- (vi) Program Festival Masjid Serantau Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020;
- (vii) Seminar Ancaman Ekstremisme dan Ajaran Sesat;
- (viii) Seminar Pemahaman Dan Kesedaran Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 2020 (Siri 1 & 2);
- (ix) Seminar Khaira Ummah: "Memahami Konsep Maqasid Al Syariah Dalam Membentuk Khaira Ummah"; dan
- (x) Program Pembinaan Generasi Khaira Ummah.